

MAHATHIR - JAMINAN R'R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKYAT BAHAWA NEGARA TIDAK MENGHADAPI SEBARANG KRISIS EKONOMI DAN BERKATA.MEREKA TIDAK HARUS RASA CEMAS.

KERAJAAN CUMA BERSIKAP REALISTIK APABILA MEMBUAT PENYEMAKAN TERHADAP MATLAMAT PERTUMBUHAN BAGI TAHUN INI UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN APA YANG SEDANG BERLAKU DI SELURUH DUNIA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH LEBIH BAIK UNTUK MENYEMAK MATLAMAT PERTUMBUHAN AGAR IA BOLEH DICAPAI DARIPADA TIDAK MELAKUKAN APA-APA.

MATLAMAT PERTUMBUHAN BAGI TAHUN 1982 DIUBAH BUAT PERTAMA KALI DARIPADA 7.2 KEPADA 6.5 PERATUS DAN KEMUDIAN KEPADA LIMA PERATUS.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS BERASA CEMAS KERANA MALAYSIA MEMPUYAI SIMPANAN SELAMA EMPAT BULAN DARI SEGI IMPORT KEKAL,+ YANG MERUPAKAN JUMLAH WANG YANG BESAR.+ --BERSAMBUNG 1748/AH

MAHATHIR - JAMINAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

KATANYA DENGAN JUMLAH SIMPANAN ITU, MALAYSIA DALAM KEADAAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA BANYAK NEGARA LAIN, KEDUDUKAN NEGARA JUGA DICEMBURUI OLEH BANYAK NEGARA LAIN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ADALAH PERKARA BIASA PERTUMBUHAN NEGARA TIDAK DAPAT DIPELIHARA PADA PARAS SEBELUM INI SEDANGKAN NEGARA-NEGARA LAIN MENGALAMI TEMPOH YANG SUKAR.

KATANYA SEDANG KEBANYAKAN NEGARA MENGALAMI PERTUMBUHAN RENDAH ATAU NEGATIF, MALAYSIA MENIKMATI KADAR TINGGI PERTUMBUHAN.

BELIAU BERKATA RAKYAT HARUS INGAT BAHAWA KEADAAN EKONOMI NEGARA BERSANGKUT PAUT DENGAN EKONOMI DUNIA DAN WALAUPUN KEMELESETAN BERLAKU SEKARANG NEGARA MASIH DALAM KEADAAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA KEBANYAKAN NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERSETUJU DENGAN PENDAPAT BAHAWA KALANGAN PERNIAGAAN MALAYSIA TERLALU LEMBABA DAN TIDAK MERANCANG UNTUK MASA HADAPAN KERANA TERLALU MUDAH RASA CEMAS SETELAH BEGITU LAZIM DENGAN KADAR PERTUMBUHAN LAPAN ATAU 10 PERATUS.

--BERSAMBUNG 1805/AH

1582

MAHATHIR - JAMINAN 3 KUALA LUMPUR

DENGAN BERSIKAP DEMIKIAN, KATANYA,+ SEMUA ORANG TERLALU MUDAH RASA CEMAS APABILA KADAR PERTUMBUHAN MEROSOT SATU ATAU DUA PERATUS DAN MENYANGKAKAN MEREKA AKAN DILANDA MALAPETAKA BESAR.+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TERNAMPAK AKHBAR-AKHBAR PUN TELAH MULA BERASA CEMAS ATAS PERKARA ITU.

BELIAU MENGGESA AKHBAR-AKHBAR SUPAYA JANGAN MEMBERI GAMBARAN +SEOLAH-OLAH KITA AKAN RUNTUH. KAMI MASIH JAUH LAGI DARIPADA RUNTUH.+

DITANYA SIAPAKAH YANG MENYEBABKAN PERASAAN CEMAS DAN MUNGKINKAH DISEBABKAN OLEH PARA PEMIMPIN YANG MENYERU RAKYAT SUPAYA BERJIMAT CERMAT, PERDANA MENTERI BERKATA INI TIDAK MUNGKIN.

INI IALAH KERANA SERUAN UNTUK BERJIMAT CERMAT TELAH DIBUAT SEAWAL-AWAL TAHUN LALU LAGI TETAPI MALANGNYA SECARA KEBETULAN SERUAN ITU DIBUAT BERSERENTAK DENGAN KEMELESETAN DUNIA SEKARANG, KATANYA.

+SETENGAH-SETENGAH PIHAK FIKIR PEMOTONGAN \$1,000 DARIPADA GAJI SAYA ADALAH UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA. INI TIDAK BETUL.SAYA CUMA BERPENDAPAT.GAJI MENTERI-MENTERI TERLALU TINGGI,+ TAMBAHNYA SANGIL.KETAWA. --BERNAMA 1811/AH